



06 JAN, 2026

Didenda RM80,000 curi elektrik untuk lombong bitcoin

Berita Harian, Malaysia



Didenda RM80,000 curi elektrik untuk lombong bitcoin

Peniaga mengaku bersalah lakukan penyambungan haram di premis

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Seorang peniaga didenda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas kesalahan melakukan penyambungan elektrik secara haram di sebuah premis dekat Kampung Lundang pada Oktober tahun lalu.

Hakim, Nik Habri Mohamad, mengenakan hukuman selepas Loo Siong Hong, 43, mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, Siong Hong didakwa secara curang menghalang meter elektrik milik Tenaga Nasional Berhad daripada merekodkan dengan sempurna penggunaan elektrik secara membuat sambungan haram yang disambung pada ba-

hagian terminal keluaran suis fuis di panel meter dan dialirkan ke premis.

Perbuatan itu dikesan dilakukan terhadap sebuah premis dekat Kampung Lundang pada jam 3 petang pada 15 Oktober tahun lalu.

Siong Hong didakwa mengikut Perenggan 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan boleh dihukum mengikut Subperenggan 37(3)(A)(ii) akta sama, sabit kesalahan boleh didenda RM20,000 hingga RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Jabatan Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga (ST), Khairul Nizam Mohd Kamal, manakala Siong Hong tidak diwakili peguam.

Mohon hukuman setimpal

Terdahulu, Khairul Nizam memohon hukuman setimpal dikenakan kepada Siong Hong memandang kes berkenaan serius membabitkan kepentingan awam, selain kerugian ditanggung TNB sebanyak RM1.33 juta.

"Jenayah dilakukan Siong

Hong bukannya jenayah tipikal, sebaliknya mencuri elektrik bagi tujuan melombong bitcoin. Malah ini adalah jenayah yang terancang dan impaknya bukan hanya kepada individu tetap kepada kita semua.

"ST sebelum ini sudah melakukan sesi libat urus untuk memberi perkongsian keseriusan jenayah curi elektrik dan impaknya kepada masyarakat.

"Perlu ditegaskan bahawa jumlah kerugian dialami pihak TNB akibat kegiatan curi elektrik dalam kes ini adalah sebanyak RM1.33 juta.

"Ini adalah jumlah yang akan dikira sebagai 'system loss' yang mengakibatkan impak kenaikan kepada tarif elektrik kepada semua pengguna," katanya.

Manakala Siong Hong memohon hukuman denda yang minimum atas alasan sudah insaf, selain memberi kerjasama baik kepada ST.

Mahkamah kemudian mengenakan denda sebanyak RM80,000 dan berharap kes berkenaan adalah yang terakhir di Kelantan, selain hukuman dikenakan memberi pengajaran kepada individu lain.